

Terbit daripada bantahan-bantahan
ke atas Penyata Jawatankuasa
Pilihan Raya yang dilantik oleh
kerajaan maka dengan serentak,
pada 21 Februari yang lalu dengan
perintah daripada ibu pejabatnya

UMNO di serata Tanah Melayu termasuk Singapura telah mengadakan bantahan bersama kepada jawatankuasa itu. Sesudah membantah itu di antaranya ada yang meminta supaya diadakan majlis membaca *Yāsin* pada malamnya dengan harapan supaya bantahan mereka dikabulkan. Nampaknya telah menjadi sifat bahawa jikalau menghadapi kesenangan berjoget, bersandiwara dan bersuka ria dan ada pula yang berani mencapak Allah, menanggung dosa sesuatu perbuatan yang ditegah dan tatkala susah membaca *Yāsin* dan sembahyang hajat – beginilah kehidupan orang di dunia yang tidak mengendahkan peringatan Allah.

* * *

Di dalam keadaan sekarang mudah sangat orang mengendahkan sesuatu tuduhan ke atas sesuatu golongan yang lain yang tidak sehaluan dengannya. Umpamanya Tuan Mufti Johor membawa tawarikh tentang tulisan-tulisan jawi yang bermakna mempertahankan agama. Dipandang oleh sebahagian pihak fanatik dan seumpamanya. Juga jika ada orang-orang yang berani berterang-terang mencela komunis maka ada pula orang menuduh bahawa orang itu menguntungkan penjajahan yang sekarang juga berusaha menjauhkan komunis dari Malaya. Terbitnya tidak lain kerana ia tidak mempunyai perdirian yang betul. Kalau ia berperdirian kebangsaan maka sekali itu juga ia mahu memegang kuat sebagai orang agama tetapi dengan serentak itu juga fahaman langkahan-langkahan seperti komunis kalau sudah dibancuh semua sekali maka tentulah mudah mendatangkan tuduhan-tuduhan orang berperdirian Islam menggunakan ayat-ayat Al-Quran kerana menarik orang tetapi kalau ditanya tentang mana-siapa! Beginilah keadaan kita kalau tidak mahu menggunakan pandangan dan fikiran yang tenang serta mempunyai satu pegangan yang tetap!



KOPI PAHIT

Di Singapura ini sudah termaklum ialah negeri jajahan- keadaannya tidak sama dengan *Federation*. Ini sudah terang jalan-jalan di Singapura ini ada banyak sedang nama jalan-jalan itu terbahagi di atas tiga nama yang

terbesar, iaitu yang terbanyaknya ialah nama-nama daripada orang-orang Cina, yang kedua nama-nama daripada Bahasa Melayu dan yang ketiga harus daripada nama-nama orang-orang Putih (Inggeris). Tetapi adalah sangat-sangat menghairankan kerana sebuah surat khabar Melayu masih berasa mashghul dan tiada berpuas hati kerana masih ada banyak nama-nama Bahasa Inggeris- tidakkah di sini menunjukkan kelebihan ikan di jala?

* * *

Berita yang sangat menggemarkan ialah 590 penuntut-penuntut Melayu di Tanah Melayu dan di Singapura telah lulus di dalam peperiksaan Senior Cambridge. Sungguhpun demikian belum seperti yang dikehendaki. Tetapi adalah ia menggemarkan terutamanya kalaualah sebanyak itu penuntut-penuntut Melayu masuk ke dalam Universiti Malaya maka baharulah bermakna kemerdekaan tanah air yang dituntut. Sebab kalau kemerdekaan tidak cukup orang-orang berpelajaran maka padahnya sangat kusut dikecualikan kalau kemerdekaan itu hendak diletakkan ke tangan “orang yang bukan ahlinya”. Untuk memajukan lagi kemajuan dalam pelajaran maka kepada penuntut-penuntut itu molek diulang semula peringatan Menteri Besar Johor, Tuan Syed Abdul Kadir, supaya dalam masa menuntut murid-murid hendaklah menjauhkan diri daripada mencampuri politik. Menyatakan kita memomokkan politik dalam perkara ini silalah!

* * *

Ahli-ahli politik selalu terikut dengan rasa dan perasaan hati sendiri! Mereka selalu berkata dengan apa yang dikehendaki dengan tidak payah memikirkan natijah atau kesan yang diucapkannya kepada keselamatan kaumnya. Bagi mereka itu sepatutnya ingat kepada pepatah orang tua-tua: “Terlajak perahu dapat dibelokkan tetapi terlajak kata tak dapat ditarik”!- Cemeti al-Farouk.